

## KERATAN AKHBAR

AKHBAR	: BERITA HARIAN	MUKA SURAT	: 14
TARIKH	: 27/6/2019		
JABATAN	: JMG		
KLASIFIKASI	: PERHATIAN		

KEMATIAN ORANG ASLI KUALA KOH

## Sampel air di empat lokasi diambil lagi

**Gua Musang:** Sampel air di empat lokasi sekitar perkampungan Kuala Koh, di sini, sekali lagi diambil bagi mendapatkan keputusan lebih tepat susulan insiden kematian 15 Orang Asli suku Batek.

Antara jabatan terahbit kerja pengambilan sampel berkenaan, semalam, ialah Jabatan Alam Sekitar (JAS), Kementerian Kesihatan (KKM) serta Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia (JMG).

Empat lokasi terahbit adalah berdasarkan rujukan penduduk kampung dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) Sahabat Jariah Malaysia yang mendakwa kematian Orang Asli berkenaan berpunca daripada penggunaan air di tempat berkenaan.

Lokasi itu membolehkan air tadahan bukit yang memerlukan pemugas berkenaan, termasuk media mendaki bukit selama 40 minit untuk tiba, sungai tempat mandi penduduk, telaga tiub dan air sarung di kawasan penempatan.

Pengarah Bahagian Pelaksanaan Operasi, Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA), Datuk Azizan Abu Taat, berkata semua sampel air berkenaan akan dihantar ke Jabatan Kimia untuk tindakan lanjut.

### Keputusan konklusif

"Ini kali ketiga sampel diambil dan ada lima siri lagi sampel perlu diambil bagi memastikan ketepatan keputusan, sekali gus memuaskan hati semua pihak.

"Operasi pengambilan sampel hari ini (semalam) yang bermula jam 10 pagi hingga 3 petang berjalan lancar. Kita menjangkakan keputusan lapan sampel berkenaan diperolehi bulan depan.

"Pengambilan sampel membolehkan lapan siri itu adalah untuk mencapai keputusan konklusif yang membezakan keadaan cuaca. Fokus ialah penemuan air kerana kita mahu penduduk Orang Asli mendapat air yang bersih," kata-



[FOTO: FATIHL ASRI / BH]

**Petugas Kementerian Kesihatan mengambil sampel air tadahan bukit di Sungai Pertang di Kampung Kuala Koh, semalam.**

nya kepada pemberita, di sini, semalam.

Yang turut hadir, Ketua Pengarah Jabatan Kimia, Mohd Zaini Abdul Rahman; Pengarah JMG Kelantan, Che Abdul Rahman Jaafar; Pegawai Kesihatan Daerah Gua Musang, Dr Mohamad Rafiq Mohd Kasri; dan Presiden Sahabat Jariah Malaysia, Johan Halid.

### Lokasi sama

Mengulas lanjut, Azizan berkata, lokasi sampel diambil adalah sama dengan sebelum ini, melainkan ada maklumat tambahan daripada pihak berkaitan.

"Kita berterima kasih kepada NGO yang banyak menyalurkan maklumat kepada kami," katanya. Sementara itu, Tok Batin Kampung Kuala Koh, Mohamad Pokok,

berkata beliau berpuas hati apabila pihak berkaitan turun padang mengambil sampel semula.

"Saya berterima kasih kerana pihak berkenaan prihatin terhadap nasib yang menimpa kami.

"Walaupun keadaan kampung sudah kembali kepada seperti asl, kami masih berasa bimbang untuk menggunakan air," katanya ketika di temu di sini, semalam.